



KENYATAAN MEDIA

LAPAN BERADIK YATIM PIATU AKIBAT COVID-19 TERIMA FAEDAH PERKESO

RAWANG, SELANGOR – Lapan (8) beradik yang menjadi yatim piatu setelah kedua ibu bapa mereka menemui ajal akibat dijangkiti COVID-19 telah dibantu oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan bantuan faedah-faedah di bawah skim keselamatan sosial, hari ini.

Episod duka yang menimpa lapan beradik tersebut bermula sejak lebih sebulan yang lalu apabila bapa mereka, **Allahyarham Ben Yajeed bin Bernie, 45**, menghembuskan nafas terakhir pada **16 Julai 2021** di Hospital Selayang akibat jangkitan COVID-19. Selang dua hari kemudian, ibu mereka pula iaitu **Allahyarhamah Noraini binti Ibrahim** menyusul selepas disahkan meninggal dunia akibat jangkitan yang sama ketika menerima rawatan di Hospital Sungai Buloh. Berdasarkan laporan, arwah Ben Yajeed positif COVID-19 setelah dijangkiti virus berkenaan daripada isterinya yang terkena jangkitan di tempat kerja.

Sejurus mendapat berita dan maklumat mengenai kisah malang yang menimpa keluarga berkenaan di dada akhbar dan media sosial pada 20 Julai lalu, **Skuad PERKESO Prihatin** segera mengambil tindakan proaktif dengan menyemak rekod caruman pasangan terbabit. Hasil semakan mendapati kedua-dua mangsa merupakan **pencarum PERKESO** dan memenuhi syarat kelayakan faedah yang ditetapkan.

Sehubungan itu, lapan beradik tersebut iaitu Nazurah Nabilah, 19 tahun, Muhammad Muzakkir, 18, Nurhani Nabilah, 16, Nurnasuhah Nabilah, 14, Muhammad Benjamin, 13, Muhammad Bennazir Sulaiman, 10, Nur Rawdhah Nabilah, 8 dan Nur Qurratu Ain Nabilah, 4, layak dan telah mula menerima **Faedah Pencen Penakat** di bawah **Skim Keilatan** bagi arwah ayahnya. Waris juga layak untuk menerima **Faedah Orang Tanggungan (FOT)** di bawah **Skim Bencana Pekerjaan** bagi arwah ibu mereka. Kedua-dua bantuan faedah ini

akan dibayar kepada lapan beradik tersebut sehingga mereka mencecah usia **21 tahun** atau sehingga **tamat pengajian ijazah pertama**. Mereka juga telah menerima **Faedah Pengurusan Mayat (FPM)** berjumlah RM4,000.

Kesinambungan daripada inisiatif itu, PERKESO yang diwakili **Ketua Eksekutifnya, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed**, pada hari ini telah berbesar hati untuk turun padang bagi mengunjungi keluarga berkenaan di kediaman mereka di Bukit Beruntung. Majlis ziarah ini dibuat antara lain bagi membuat penyerahan bayaran **Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS)** yang juga layak diterima oleh ibu waris untuk tempoh sepanjang arwah dirawat di hospital, selain turut menyampaikan **Kotak Prihatin** berupa sumbangan barangan keperluan harian kepada keluarga berkenaan. Hadir sama ialah Ketua Pegawai Komunikasi, Encik Izad Haji Raya; Ketua Cawangan Skud Prihatin dan Sinergi, Encik Ismail Bin Abi Hashim; Pengarah PERKESO Negeri Selangor, Encik Zainol Bin Abu dan Pengurus PERKESO Rawang, Khairul Mizan Bin Md Said.

Pencen Penakat adalah satu faedah dalam Skim Keilatan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila Orang Berinsurans PERKESO meninggal dunia akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan. Antara syarat Pencen Penakat adalah meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun dan memenuhi syarat kelayakan caruman.

Faedah Orang Tanggungan pula adalah salah satu faedah dalam Skim Bencana Pekerjaan yang dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila Orang Berinsurans PERKESO meninggal dunia akibat bencana pekerjaan. Contoh orang tanggungan termasuklah balu, duda, anak berusia di bawah 21 tahun, ibu, bapa, adik-beradik, datuk ataupun nenek.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik

24 Ogos 2021

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Izad Hj Raya, Ketua Pegawai Komunikasi di talian +6012 – 6377 890 atau Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720.